

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMAD KHAIR-IL ANUAR  
BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif atau pakej kebajikan yang ada disediakan oleh Kementerian untuk membantu ibu bapa dan penjaga anak-anak berstatus OKU dan khususnya kepada yang sakit dan menjalani rawatan perubatan.

## **JAWAPAN:**

Kesejahteraan dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) sentiasa mendapat perhatian Kerajaan dalam usaha meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan mereka dan seterusnya mengintegrasikan golongan OKU dalam masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan termasuk orang kurang upaya (OKU) supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Antara insentif atau pakej kebajikan yang disediakan oleh JKJ bagi membantu ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak OKU khususnya kepada yang sakit dan menjalani rawatan perubatan ialah seperti berikut:

- (i) Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar (BPT) dengan kadar RM300 sebulan seorang diberi kepada

penjaga yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka;

- (ii) Bantuan Am Persekutuan, dengan kadar RM80 hingga maksimum RM350 sebulan dipertimbangkan keutamaan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa yang menjaga anak-anak OKU;
- (iii) Bantuan Kanak-Kanak, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka;
- (iv) Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT) diberi kepada OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan.

Di samping itu, KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga ada menyediakan bantuan bagi membantu ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak OKU khususnya kepada yang sakit dan menjalani rawatan perubatan ialah seperti berikut:

- (i) pembiayaan perubatan kategori buah pinggang, keutamaan kepada pesakit yang menjalani rawatan di pusat dialisis NGO dan kadar bantuan maksimum bagi dialisis ialah RM9,360 setahun atau RM60 sekali dialisis.
- (ii) pembiayaan perubatan bagi kategori jantung bagi yang membuat rawatan di hospital kerajaan / Institut Jantung Negara (IJN) dengan kos rawatan maksimum sebanyak RM20 ribu.
- (iii) pembiayaan pembedahan seperti tulang belakang, kaki, lutut, tangan yang mendapat rawatan di hospital kerajaan dengan kos rawatan maksimum sebanyak RM20 ribu.
- (iv) pembiayaan pembedahan mata yang mendapat rawatan di hospital kerajaan dengan kos rawatan maksimum sebanyak RM1 ribu bagi pembelian kanta mata.
- (v) Dana Talian Insan Kritikal (D'tik) bantuan segera kepada pesakit yang kritikal yang memerlukan perawatan dalam tempoh 72 jam. Ia

merupakan pelaksanaan secara '*pilot project*' di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Secara kesimpulannya, banyak insentif dan bantuan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan dalam membantu ibu bapa dan penjaga anak-anak berstatus OKU supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.